

## Berita Harian

Sebuah Penerbitan SPH Media Limited

Saat A. Rahman  
Editor

Nazry Mokhtar  
Timbalan Editor

Puad Ibrahim  
Editor Bersekutu

Untuk menghubungi BH bagi bahan berita

Berita Setempat:  
Hadi Saparin - 6319 5038  
mhadi@sph.com.sg

Berita Pemiagaan & Ekonomi:  
Norhaiza Hashim - 6319 5625  
norhaiza@sph.com.sg

Berita Gaya Hidup:  
Hanim Mohd Saleh - 6319 5418  
hanim@sph.com.sg

www.beritaharian.sg | Berita Harian Singapura | beritaharian | beritaharian

## Berita Harian ◆ SAJIAN KHAS HARI INI: SEMANGAT WATAN

Sempena Hari Bapa kelmarin, **BERITA HARIAN** menampilkan tiga kakitangan National Healthcare Group (NHG) yang penuh inspirasi – menjadi mentor dan memainkan peranan seorang bapa terhadap rakan sekerja, selain peranan bapa di rumah.

# Bapa di rumah... 'bapa' di tempat kerja...

## 3 generasi ayah dalam satu keluarga cari rezeki di TTSH

► **NUR SYUHRAH HASSAN**  
nysuhr@sph.com.sg

TIGA generasi sebuah keluarga telah bekerja di Hospital Tan Tock Seng (TTSH).

Encik Othman Yusop, 64 tahun, masih ingat datuknya ke kerja di TTSH semasa kecil.

"Sewaktu kecil, saya suka ikut atuk ke kerja di hospital. Dia seorang juruelektrik. Saya akan duduk dan menyaksikannya bekerja.

"Tujuan sebenar ikut atuk ialah nanti dia belanja makan," seloroh Encik Othman, seorang jurutera kanan TTSH dalam satu panggilan video bersama *Berita Harian* baru-baru ini.

Kenangan Encik Othman mengikut datuknya ke kerja begitu berbekas sehingga beliau juga pernah membawa anak kecilnya ke tempat kerja.

Dan selepas beberapa dekad, kini anak bongsu Encik Othman, Encik Muhaimin Othman, mengikut jejaknya dengan bekerja di TTSH sebagai jurutera di bawah Jabatan Kemudahan Kejuruteraan.

"Semasa di sekolah rendah, saya ikut bapa saya ke kerja dan mendapati ia satu pekerjaan yang menarik kerana mereka harus menyelesaikan dan memperbaiki kemudahan yang rosak.

"Saya suka lihat wajahnya setelah mereka berjaya mendapat jalan keluar menyelesaikan sesuatu masalah.

"Sebab utama saya jadi seorang jurutera adalah kerana bapa saya. Beliau adalah inspirasi saya," ujar Encik Muhaimin, 29 tahun, yang bekerja di TTSH sejak 2018.

Encik Othman, bapa tiga anak, pula telah berkhidmat di TTSH selama 22 tahun.


Meski semakin meningkat usia, Encik Othman akur masih seronok bekerja.

Selain minat, Encik Othman berkata TTSH banyak menjaga kebajikan pekerjanya.

Beliau juga mempunyai pasukan kerja yang saling menyokong dan mesra bergaul. Encik Othman seringkali memberi tunjuk ajar kepada rakan kerja yang jauh lebih muda dan dikatakan sebagai seorang mentor yang baik.

"Saya anggap rakan kerja semua sebagai rakan sendiri. Saya selalu pesan dan memberi nasihat kepada mereka supaya memastikan bahawa mereka berasa puas dengan pekerjaannya," kata Encik Othman, datuk tujuh cucu.

Pasangan bapa dan anak itu berasa bahawa kerja penyenggaraan mereka di hospital itu amat bermakna kerana secara tidak langsung memberi kesan kepada pesakit di hospital itu.



"Kami tidak berinteraksi dengan pesakit secara langsung, tetapi kami tahu bahawa kesan pekerjaan dan tugas kami membolehkan pesakit rehat dan dirawat dengan selesa," tambah Encik Othman.

Encik Muhaimin berkata hubungannya bersama bapanya itu sebagai kawan baik. Sejak kecil, mereka berdua amat rapat.

"Beliau adalah seorang bapa yang peramah dan lembut hati. Kerja tetap kerja tetapi kami juga masih sering meluangkan masa di luar kerja dan berseronok bersama. Setiap minggu kami berdua akan main bowling. Itulah hobi kami," cerita Encik Muhaimin.

"Ayah saya sememangnya inspirasi membentuk siapa saya hari ini dan saya gembira pekerjaan kami dapat memberi khidmat

baik dan membantu kemudahan pesakit di hospital," kata Encik Muhaimin tanpa lupa mengucapkan Hari Bapa kepada Encik Othman.

"Saya amat bangga dan gembira anak saya bekerja bersama saya dan saya amat bersyukur kerana mempunyai hubungan yang baik bersama semua anak saya," kata Encik Othman pula.

**KERJA BERSAMA:** Pasangan bapa dan anak kini bekerja bersama di Hospital Tan Tock Seng dalam bidang kejuruteraan. Encik Othman (*kanan*) seringkali membawa Encik Muhaimin ke tempat kerja dan ia kemudian menjadi inspirasi bagi Encik Muhaimin untuk menjadi seorang jurutera. – Foto BH oleh KHALID BABA

## Jururawat, relawan utamakan masa bermutu bersama keluarga



► **DANIAL FHARICK**  
danial@sph.com.sg

PENGALAMAN sebagai jururawat dan bapa saling melengkap untuk membantunya menjalankan tanggungjawab dengan baik.

Demikian dikongsi Encik Mohd Adnan Mahmud, 59 tahun, seorang Jururawat Klinikian di Jabatan Kawalan Jangkitan Penyakit Kelamin (DSC) kendalian Pusat Kulit Nasional (NSC).

Sebagai seorang jururawat, beliau menyelia operasi klinik, merawat pesakit, menyelia pasukan jururawat dan membimbing doktor muda, jururawat dan doktor sementara.

"Saya rasa topik penyakit jangkitan kelamin merupakan sesuatu yang perlu dibincangkan agar lebih ramai orang peka dan dapat mengambil langkah berjaga-jaga," kata beliau yang sering terlibat dalam program-program kemasyarakatan.

Antara lain beliau terlibat dalam program mendidik pekerja-pekerja asing tentang Jangkitan Penyakit Kelamin (STI) serta menguji mere-

ka untuk STI yang dianjurkan Peratuan Jururawat Singapura.

Di luar pekerjaan sebagai jururawat, Encik Mohd Adnan juga terlibat dalam kegiatan sukarela.

Sikap ingin membantu inilah yang dijadikan inspirasi bagi anak keduanya menceburi bidang kajian agar dapat membantu orang lain dan melakukan perubahan dengan kajian beliau.

"Memang saya rasa gembira jika anak atau cucu saya menceburi bidang penjagaan kesihatan seperti saya dan isteri kerana ia merupakan satu pekerjaan yang mulia.

"Namun, saya tidak memaksa kerana percaya mereka perlu ada minat untuk lakukan apa pun dalam hidup," ujar Encik Mohd Adnan yang mempunyai tiga anak dan seorang cucu.

Baginya, keluarga adalah institusi penting dan amanah yang dikurniakan kepadanya.

"Kadangkala, semasa merawat pesakit muda, saya juga risaukan anak-anak saya kerana saya tidak tahu apa yang mereka lakukan di luar rumah," kata Encik Mohd Adnan yang juga mendidik anak-

anaknya sambil melakukan kerja rumah.

Naluri bapa yang inginkan terbaik untuk anak-anaknya sentiasa di fikiran dan beliau percaya sokongan isteri amat penting selama lebih 30 tahun mereka berkahwin.

Isterinya, seorang bekas jururawat, berhenti kerja apabila mereka dikurniakan cahaya mata kedua kerana ingin memberikan lebih perhatian dalam membesarkan anak.

Sebagai jururawat klinikian, Encik Mohd Adnan tidak bekerja pada hujung minggu dan masa itu diluahkan bersama keluarga dengan kegiatan riadah seperti berbasikal dan berjalan pantas.

"Aktiviti seperti ini, biarpun singkat, merapatkan ukhwa bersama anak dan keluarga. Masa yang diluahkan memastikan hubungan kekal rapat dan kami dapat berinteraksi," tambah beliau yang percaya ibu bapa memainkan peranan dalam membentuk anak.

"Sebagai ayah, kita perlu pastikan kita menjadi teladan bagi anak-anak kerana mereka sentiasa memerhatikan kita untuk dijadikan inspirasi," kata beliau.

**KELUARGA ADALAH AMANAH:** Encik Mohd Adnan cuba menjadi contoh teladan yang baik bagi anak-anaknya dalam kesibukannya mengendalikan kes penyakit kelamin. – Foto BH oleh KHALID BABA

## Pekerja sosial prihatin keperluan pesakit dan juga anak



► **SYED MUHAMMAD FIRDAUS**  
smfirdaus@sph.com.sg

DARI 8 pagi hingga 5.30 petang, Encik Muhammad Jamaluddin Mustafa, Penolong Kanan Kerja Sosial di Jabatan Penjagaan dan Kaunseling (C&C) di Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit (NCID), akan berinteraksi dengan pesakit HIV di bawah jajaanya.

Pada sebelah malam, dua kali seminggu, beliau akan menuju ke Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) untuk mengikuti pengajian sarjana muda dalam kerja sosial secara sambilan.

Itulah rutin Encik Muhammad Jamaluddin, 35 tahun, sebagai pekerja sosial, memberi kaunseling, sokongan psikososial dan nasihat tentang bantuan yang layak diterima pesakit.

"Ia membuka mata saya, terutamanya mempelajari bagaimana orang yang hidup dengan HIV menghadapi stigma dan keadaan perubahan mereka," kata beliau, yang telah bertugas di NCID selama dua tahun.

Semasa sesi konsultasi bersama pesakit, beberapa pendekatan – sama ada lembut dan perlahan, atau tegas dan profesional – digunakan

dengan pesakit yang mungkin memendam rasa atau introvert dan yang mencabar untuk dihadapi.

Gambaran jelas tentang pesakit membantunya membuat keputusan menggunakan teknik yang sesuai untuk melibatkan mereka dengan berkesan.

"Ia menjadi tanggungjawab kami untuk membuat mereka berasa selesa setiap kali mereka datang berjumpa kami," ujarnya.

Berebak pengalaman itu, Encik Muhammad Jamaluddin menasihati rakan sekerjanya yang lebih muda supaya memantau bahasa gerak-geri, nada suara dan cara mereka menonjolkan diri kepada pesakit.

Di rumah, Encik Muhammad Jamaluddin sentiasa berusaha menjadi pendengar kepada anak-anaknya supaya beliau juga lebih memahami mereka.

"Anak lelaki sulung saya sangat ekstrovert dan selesa berada di sekeliling orang tapi anak perempuan saya sangat introvert dan tidak terlalu mudah menyesuaikan diri dengan orang.

"Jadi, kita perlu belajar menyesuaikan diri dengan personaliti yang berbeza dan menggunakan teknik sesuai dengan keperluan,"

kata Encik Muhammad Jamaluddin, bapa dua anak berusia tiga dan satu tahun.

Lantaran sibuk, adakala beliau tidak sempat menemui anaknya kerana pulang lewat sehingga ditanya anak.

Dalam perjalanan sebagai bapa sejak 2019, Encik Jamaluddin banyak menggunakan pengalaman daripada bapanya, berusia 60-an, dalam membesarkan anak.

"Walaupun bapa saya pencari nafkah tunggal bagi keluarga kami enam orang, beliau tidak membuat kami rasa kekurangan," ujarnya.

Beliau akur proses membahagikan masa antara kerja, sekolah dengan tanggungjawab keluarga bukan mudah, seperti dalam musim peperiksaan.

Beliau bersyukur isterinya, Cik Rafidah Kassim, 31 tahun, memahami dan membantunya mengurus kerja rumah dan anak-anak semasa beliau sibuk.

"Melihat bagaimana isteri saya mencurahkan bakti menjaga anak-anak kami, ia memberi saya motivasi untuk menamatkan pengajian supaya mampu memberi masa depan lebih baik," kata Encik Muhammad Jamaluddin, yang menyifatkan keluarga dan isterinya sebagai tiang sokongan utamanya.

**JADI PENDENGAR:** Encik Muhammad Jamaluddin (*kir*) berinteraksi dengan seorang pesakit beliau di NCID. Sebelum ini, beliau telah berkhidmat di Hospital Tan Tock Seng selama empat tahun. – Foto NCID